

SOALAN A2

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya:

Anak-anak ialah insan yang paling handal dalam meniru tingkah laku manusia. Mereka akan meniru apa saja yang dilihat atau didengar tanpa menilai kebaikan atau keburukannya. Lazimnya anak-anak lebih cenderung untuk melakukan apa yang mereka perhatikan daripada tingkah laku ibu bapa mereka. Seterusnya ikutan itu akan **sehati** dengan diri anak-anak sehingga sebahagian daripada tabiat atau tingkah laku mereka.

Anak-anak juga akan menganggap bahawa gerak geri dipelajari itu baik kerana ibu bapa merupakan model utama yang harus menjadi contoh kepada mereka. Dalam hal ini, ibu bapa perlu berhati-hati dengan tingkah laku mereka sendiri agar tidak **diteladani** oleh anak-anak.

Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa pembentukan **personaliti** anak-anak itu juga banyak dipengaruhi oleh corak didikan yang diterima daripada ibu bapa masing-masing.

Oleh yang demikian, ibu bapa perlu sedaya upaya mengelakkan diri dari terjebak dalam **situasi** bermasalah. Keluarga yang mempunyai masalah akan meninggalkan kesan yang buruk kepada anak-anak. Anak-anak akan hilang keyakinan diri untuk melakukan sesuatu jika mereka sering terdedah kepada pelbagai masalah dalam keluarga. Sebaliknya, mereka akan berasa rendah diri, murung, hidup dalam ketakutan dan sebagainya. Akibatnya, mereka tidak mampu untuk mengembangkan **potensi** diri.

Ibu bapa perlu mengubah cara mendidik anak-anak seperti tidak memaksa anak-anak melakukan apa yang diarah, sebaliknya arahan itu perlu sejajar dengan apa yang dipamerkan. Bak kata pepatah Melayu, 'anak-anak umpama sehelai kain putih, ibu bapalah yang mencorak kehidupan anak-anak mereka'.

(kira-kira 224 patah perkataan)

6. Mengapakah anak-anak dianggap sebagai insan yang paling handal meniru tingkah laku manusia?

7. Mengapakah ibu bapa perlu menunjukkan tingkah laku yang baik kepada anak-anak?

8. Apakah kesan yang mungkin akan dihadapi oleh anak-anak yang mempunyai keluarga bermasalah?

9. Apakah peranan ibu bapa untuk membentuk personality positif dalam diri anak-anak?

10. Pada pendapat kamu, apakah maksud pepatah 'anak-anak itu umpama sehelai kain putih, ibu bapalah yang mencorak kehidupan mereka'?

[10 markah]

11. Berikan makna perkataan di bawah ini berdasarkan penggunaan dalam petikan di atas:

(a) sebat:

(b) diteladani:

(c) personaliti:

(d) situasi:

(e) potensi:

[5 markah]